

MESYUARAT SEMAKAN HASIL PEMBELAJARAN DAN
KEMAHIRAN INSANIAH (LOKI) PROGRAM AKADEMIK IPTA

PAN PACIFIC KLIA
3 – 4 DISEMBER 2008
BAHAGIAN PENGURUSAN PEMBANGUNAN
AKADEMIK JABATAN PENGAJIAN TINGGI


Mengapa anda di sini?

- Bermula 1/1/2009, MQA akan membuat audit semakan untuk semua program di IPTA, samada yang baru atau yang lama
- JKPT pula akan fokus kepada semakan Hasil Pembelajaran, Taksonomi dan Kemahiran Insaniah.
- Anda telah **terpilih** untuk menyalurkan maklumat dari mesyuarat ini kepada universiti masing-masing – Bertindak sebagai ***Liaison officer*** berkenaan LOKI di antara JPT dan IPTA masing-masing.

Hasil Mesyuarat

Di akhir mesyuarat ini, para peserta akan dapat:


- 1) Menilai dan merekabentuk semula kurikulum program masing-masing dengan menghasilkan matriks LOKI yang diperlukan
- 2) Membuat pembentangan matriks kepada fasilitator masing-masing
- 3) Menyerahkan dokumen yang diperbaiki kepada pihak JPT
- 4) Menyampaikan maklumat dari mesyuarat ini kepada universiti masing-masing




Strategi #1 P&P: Menyemak kurikulum berteraskan *attributes* graduan berkualiti & berdaya saing

| Pelan Tindakan | Petunjuk Prestasi |
|---|---|
| 1.1.1 Menyebarluaskan kefahaman LO & KI di semua IPT | 100% TNC A&A & HEPA menguasai rekabentuk kurikulum berteraskan LO & KI. 1 Prog/IPTA sehingga Dis 2008 |
| 1.1.2 Menyemak semua kurikulum berteraskan LO & KI | 100% kurikulum disemak berteraskan LO & KI menjelang 2010 |
| 1.1.3 Menjalankan keperluan pasaran berteraskan kajian halatuju prog & kebolehpasaran graduan | 100% program kritikal mempunyai kajian halatuju & model unjuran pasaran kerja menjelang Julai 2009 |
| 1.1.4 Mendokumentasikan semua kurikulum | 100% kurikulum IPT dikelaskan sebagai dokumen kawalan di JPT menjelang 2010 |

Pelan tindakan P&P




1.1.2 MENYEMAK SEMUA KURIKULUM BERTERASKAN LO & KI



Keperluan JKPT

- Memenuhi/mencapai PSPTN Teras Kedua – Menambahbaik Kualiti Pengajaran & Pembelajaran
- Di akhir pengajian di IPTA, pelajar perlu memenuhi **attributes/kriteria** tertentu.. Yang telah dijanjikan kepada pelajar dalam Hasil Pembelajaran samada Program atau Kursus.
- Kurikulum pengajian perlu diasaskan kepada **kelebaran dan kedalaman yang sesuai** i.e. *breadth and depth*
- **Breadth** sesuatu program/kursus boleh dirangka melalui matriks Hasil Pembelajaran dan Kemahiran Insaniah
- **Depth** sesuatu program/kursus boleh dirangka melalui matriks Taksonomi
- **Contoh Matriks** ada disediakan, walau bagaimanapun terpulang kepada IPTA masing-masing untuk menyediakannya mengikut keperluan masing-masing, selagi boleh menyediakan perancangan dari segi kriteria pelajar, kelebaran dan kedalaman kurikulum.

Objektif semakan kurikulum



9 kriteria pelajar (wajib ada)

1. Berpengetahuan dalam bidang diceburi
2. Kemahiran teknikal/praktikal/psikomotor
3. Pendekatan kemahiran berfikir dan saintifik
4. Kemahiran komunikasi
5. Kemahiran sosial, kerja berpasukan & bertanggungjawab
6. Profesionalisme, nilai, sikap dan etika
7. Pendidikan sepanjang hayat dan pengurusan informasi
8. Kemahiran pengurusan dan keusahawanan
9. Kemahiran kepimpinan

Nota:

- Kriteria #3 hingga #9 adalah juga 7 elemen Kemahiran Insaniah
- Sekurang-kurangnya 5% dari jumlah kursus dalam sesuatu program perlu mengandungi salah satu dari kriteria pelajar di atas.

3 domain taksonomi

- **Kognitif** (6 aras: Pengetahuan, Pemahaman, Aplikasi, Analisis, Sintesis, Penilaian)
- **Psikomotor** (7 aras: Persepsi, Set, Respons berpandu, Mekanisme, Respons ketara kompleks, Adaptasi, Lakukan tulen)
- **Afektif** (5 aras: Menerima, Memberikan maklumbalas, Menilai, Mengorganisasi, Menghayati nilai)

Nota:

1. *Setiap domain adalah pembelajaran secara sumatif i.e. Aras rendah untuk permulaan pembelajaran dan aras tinggi peringkat pertengahan atau akhir pengajian.*
2. *Perkataan kata kerja dalam hasil pembelajaran setiap kursus perlu selari dan seimbang dengan setiap aras taksonomi yang ditetapkan*
3. *Di akhir program Sarjana Muda, biasanya pelajar perlu mempunyai sekurang-kurangnya aras taksonomi C4 untuk domain Kognitif, P4 untuk domain Psikomotor dan A3 untuk domain Afektif*

7 elemen kemahiran insaniah

1. Kemahiran berkomunikasi
2. Pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah
3. Kemahiran kerja berpasukan
4. Pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat
5. Kemahiran keusahawanan
6. Etika dan moral profesional
7. Kemahiran kepimpinan

KI #1: Kemahiran berkomunikasi

| Tahap | Kemahiran | Keterangan |
|-------|-----------|--|
| CS1 | KIM | Kebolehan menyampaikan idea dengan terang, berkesan dan dengan penuh keyakinan, secara lisan dan bertulis. |
| CS2 | KIM | Kebolehan mengamalkan kemahiran mendengar yang aktif dan memberikan maklum balas. |
| CS3 | KIM | Kebolehan untuk membuat pembentangan secara jelas dengan penuh keyakinan dan bersesuaian dengan tahap pendengar. |
| CS4 | | Kebolehan untuk menggunakan teknologi dalam pembentangan |
| CS5 | | Kebolehan berunding dan mencapai persetujuan |
| CS6 | | Kebolehan berkomunikasi dengan peserta komunikasi yang berlainan budaya |
| CS7 | | Kebolehan mengembangkan kemahiran komunikasi secara perseorangan |
| CS8 | | Kebolehan menggunakan kemahiran bukan lisan. |

KI #2: Pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah

| Tahap | Kemahiran | Keterangan |
|-------|-----------|--|
| CTPS1 | KIM | Kebolehan mengenal pasti dan menganalisis masalah dalam situasi kompleks dan kabur, serta membuat penilaian yang berjustifikasi. |
| CTPS2 | KIM | Kebolehan untuk mengembangkan dan membaiki kemahiran berfikir seperti menjelaskan, menganalisis dan menilai perbincangan. |
| CTPS3 | KIM | Kebolehan untuk mencari idea dan mencari penyelesaian alternatif |
| CTPS4 | | Kebolehan untuk berfikir melangkaui batas |
| CTPS5 | | Kebolehan untuk membuat keputusan yang berdasarkan bukti yang kukuh |
| CTPS6 | | Kebolehan untuk bertahan serta memberikan perhatian sepenuhnya terhadap tanggungjawab yang diberikan |
| CTPS7 | | Kebolehan memahami dan menyesuaikan diri kepada budaya komuniti dan persekitaran kerja yang baru |

KI #3: Kemahiran kerja berpasukan

| Tahap | Kemahiran | Keterangan |
|-------|-----------|---|
| TS1 | KIM | Kebolehan untuk membina hubungan yang baik, berinteraksi dengan orang lain dan bekerja secara efektif bersama mereka untuk mencapai objektif yang sama. |
| TS2 | KIM | Kebolehan untuk memahami dan mengambil peranan bersilih ganti antara ketua kumpulan dan ahli kumpulan |
| TS3 | KIM | Kebolehan untuk mengenal dan menghormati sikap, kelakuan dan kepercayaan orang lain. |
| TS4 | | Kebolehan untuk memberikan sumbangan kepada perancangan dan menyelaraskan hasil usaha kumpulan |
| TS5 | | Bertanggung jawab terhadap keputusan kumpulan |

KI #4: Pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat

| Tahap | Kemahiran | Keterangan |
|-------|-----------|---|
| LL1 | KIM | Kebolehan untuk mencari dan menguruskan maklumat yang relevan daripada pelbagai sumber. |
| LL2 | KIM | Kebolehan untuk menerima idea baru dan berkeupayaan untuk pembelajaran autonomi |
| LL3 | | Kebolehan untuk mengembangkan minda ingin tahu dan dahagakan ilmu |

KI #5: Kemahiran keusahawanan

| Tahap | Kemahiran | Keterangan |
|-------|-----------|---|
| KK1 | KIM | Kebolehan untuk mengenal pasti peluang perniagaan |
| KK2 | | Kebolehan untuk merangka perancangan perniagaan |
| KK3 | | Kebolehan untuk membina, meneroka dan merebut peluang perniagaan dan pekerjaan. |
| KK4 | | Kebolehan untuk bekerja sendiri. |


KI #6: Etika dan moral profesional

| Tahap | Kemahiran | Keterangan |
|-------|-----------|--|
| EM1 | KIM | Kebolehan untuk memahami kesan ekonomi, alam sekitar, dan sosiobudaya dalam amalan profesional |
| EM2 | KIM | Kebolehan untuk menganalisis dan membuat keputusan dalam penyelesaian masalah berkaitan etika |
| EM3 | | Kebolehan untuk mengamalkan sikap beretika, di samping mempunyai rasa tanggungjawab terhadap masyarakat. |

KI #7: Kemahiran kepimpinan

| Tahap | Kemahiran | Keterangan |
|-------|-----------|--|
| LS1 | KIM | Pengetahuan tentang teori asas kepimpinan. |
| LS2 | KIM | Kebolehan untuk memimpin projek |
| LS3 | | Kebolehan untuk memahami dan mengambil peranan bersilih ganti antara ketua pasukan dan anggota pasukan |
| LS4 | | Kebolehan untuk menyelia anggota pasukan |


Learning Outcomes (LOs)



Keseimbangan Kurikulum (Lebar dan Dalam)


| Tahap | LO Kognitif (K) | LO Psychomotor (P) | LO Afektif (A) |
|-------------|-------------------------------|---|--|
| Asas | 1. Recognise 2. Comprehend | 1. Perception 2. Set | 1. Receiving 2. Responding |
| Pertengahan | 3. Application 4. Analysis | 3. Guided response 4. Mechanism | 3. Valuing (appreciating) 4. Organization |
| Lanjutan | 5. Synthesis 6. Evaluate | 5. Complex response 6. Adapt 7. Originate | 5. Characterization (embodied) |

Penerapan *soft skills* dalam kaedah penyampaian



ii) setiap soft skill, boleh dikenal pasti beberapa kaedah penyampaian yang boleh digunakan .

| Penyampaian soft skill/ | | SCL | Kajian Kes | Modul | Projek | Kuliah | Tutorial | Lab |
|---|-------|-----|---------------|-------|--------|--------|----------|-----|
| Kemahiran berkomunikasi | CS1 | √ | √ | | | | √ | |
| | CS2 | √ | | √ | | √ | √ | √ |
| | CS3 | √ | √ | | √ | | √ | √ |
| Pemikiran Kritis dan penyelesaian masalah | CTPS1 | √ | √ | | √ | | √ | √ |
| | CTPS2 | √ | √ | √ | √ | | √ | √ |
| Kemahiran berpasukan | TS1 | √ | √ | | √ | | √ | √ |
| | TS2 | √ | √ | | √ | | √ | √ |
| | TS3 | √ | √ | | √ | | √ | √ |
| Pembelajaran sepanjang hayat | LL1 | √ | √ | √ | √ | √ | | |
| | LL2 | √ | √ | √ | √ | √ | | |
| Kemahiran keusahawanan | ES1 | | √ | | √ | | | |
| Etika dan nilai profesionalisme | ET1 | √ | √ | | √ | | √ | |
| | ET2 | √ | √ | | √ | | √ | |
| Kemahiran Kepimpinan | LS1 | | | | | √ | √ | |
| | LS2 | √ | √ | | √ | | | √ |



Kesesuaian Kaedah dan Aspek Penilaian

| Jenis Penilaian | Kaedah Penilaian | *Aspek Penilaian | | | |
|--------------------------|-------------------------------|------------------|------------|---------|--------|
| | | Kognitif | Psikomotor | Afektif | Sosial |
| Penempatan | Peperiksaan umum/dalaman | 5 | 1 | 1 | 2 |
| | Penilaian sendiri | 3 | 3 | 4 | 3 |
| | Penilaian secara lisan | 2 | 3 | 3 | 5 |
| Formatif | <i>Lecturer Centred</i> | | | | |
| | Peperiksaan umum/dalaman | 5 | 1 | 1 | 5 |
| | Penilaian secara lisan / oral | 1 | 5 | 4 | 5 |
| | Pemerhatian oleh Pensyarah | 1 | 5 | 5 | 4 |
| | Kajian Kes | 3 | 3 | 2 | 4 |
| | Pembentangan | 3 | 4 | 1 | 4 |
| | Laporan | 3 | 3 | 2 | 4 |
| | Projek | 2 | 4 | 2 | 4 |
| | Penilaian Kerja Lapangan | 2 | 4 | 3 | 4 |
| | Simulasi | 2 | 4 | 1 | 4 |
| | Demonstrasi | 2 | 4 | 2 | 4 |
| | Fortfolio | 2 | 4 | 2 | 4 |
| | Penilaian Kendiri | 1 | 2 | 4 | 4 |
| | 'Capstone' | 3 | 5 | 3 | 4 |
| | Log Book / Journal | 2 | 3 | 2 | 4 |
| Pemerhatian oleh pelajar | 1 | 3 | 4 | 4 | |
| | <i>Student Centred</i> | | | | |

| Jenis Penilaian | Kaedah Penilaian | *Aspek Penilaian | | | |
|-----------------|-------------------------------------|------------------|------------|---------|--------|
| | | Kognitif | Psikomotor | Afektif | Sosial |
| Diagnostik | Simulasi | 2 | 4 | 1 | 4 |
| | Peperiksaan Umum | 5 | 1 | 1 | 4 |
| Sumatif | Peperiksaan umum/dalaman | 5 | 1 | 1 | 4 |
| | Pembentangan | 3 | 4 | 1 | 4 |
| | Demonstrasi | 2 | 4 | 2 | 4 |
| | Projek / PBL | 2 | 4 | 2 | 4 |
| | Soalselidik pelajar | 2 | 2 | 2 | 4 |
| | Soalselidik Pensyarah / Fasilitator | 3 | 3 | 3 | 4 |
| | Soalselidik Majikan | 3 | 3 | 3 | 4 |
| | Ujian Psikometrik (Senario) | 4 | 3 | 5 | 4 |
| | Personal Traits Test | 2 | 2 | 5 | 4 |

*Tahap kesesuaian

1 Kurang Sesuai

2

3

4

5 Sangat sesuai

↑

↓